

**NO. SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10255**

**SOALAN :**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah penyeludupan masih lagi berleluasa di sempadan Perlis - Thailand sedangkan AKSEM telah di tempatkan di sempadan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Kedudukan geografi Malaysia yang berjiran dengan Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia menjadikan negara mempunyai sempadan darat yang luas dan panjang dengan pelbagai bentuk muka bumi.

Bagi menentukan keselamatan sempadan negara sentiasa berada dalam keadaan terkawal daripada sebarang bentuk pencerobohan anasir luar dan aktiviti jenayah rentas sempadan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Bagi kawalan keselamatan di sepanjang sempadan darat negara, ia dikawal secara bersama melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di antara Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) dan juga Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) di kawasan-kawasan yang telah dipersetujui bersama sepanjang sempadan darat Malaysia–Thailand.

- ii) Di samping itu, PDRM telah menubuhkan unit risikan sempadan bagi mengawal dan mengesan kemasukan barang terlarang seperti dadah dan senjata api serta memantau bentuk ancaman yang lain. Unit perintis telah ditubuhkan di Kedah dan akan diperluaskan ke seluruh negara jika menunjukkan kesan yang positif;
- iii) Kerajaan juga telah menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi meningkatkan kawalan di sempadan dengan menggabungkan agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di bawah satu pasukan petugas bagi mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu. Pada masa yang sama, satu pasukan khas diketuai oleh Komander AKSEM Perlis telah dibentuk bagi memfokuskan operasi di kawasan tanggungjawab di sempadan darat Perlis dan Thailand dalam usaha membendung jenayah rentas sempadan dan mengawal keselamatan sempadan negara; dan
- iv) Kementerian juga sedang meneliti cadangan menaik taraf pagar keselamatan sedia ada dan juga pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan darat antarabangsa negara Malaysia dan Thailand. Cadangan ini ekoran

**daripada beberapa insiden yang telah berlaku di sempadan darat negara dan memastikan insiden sedemikian tidak berulang kembali pada masa hadapan.**